

BERITA ONLINE

ASTRO AWANI

TARIKH: 2 OGOS 2022 (SELASA)



Kerajaan lulus 99 projek dengan kos RM5.6 bilion untuk sokong sektor inovasi - PM

Ridauddin Daud
Ogos 2, 2022 12:43 MYT



Ismail Sabri menyampaikan ucapan pada majlis perasmian persidangan Malaysia Innovates 2022 dan pelancaran Laporan Malaysia Innovates Edisi 2022 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) pada Selasa.

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah meluluskan 99 projek dan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengkomersialan dan inovasi (C&I) dengan kos berjumlah RM5.6 bilion bagi tujuan menyokong pembangunan inovasi di Malaysia, dalam tempoh 2021 hingga 2022 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12).

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan juga akan meningkatkan pengkomersialan dan memacu inovasi untuk menghasilkan lebih banyak produk dan penyelesaian berasaskan industri serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

“Bagi tujuan ini, semua aktiviti R&D dan C&I akan diutamakan dengan keutamaan negara.

“Pendigitalan, penerimgunaan teknologi dan inovasi adalah penting bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Inovasi Malaysia 2022 di sini hari ini.

Menurut Ismail Sabri aspek pengkomersialan akan diberi penekanan dengan memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah perbelanjaan R&D adalah kepada penyelidikan pembangunan eksperimental.

Perdana Menteri berkata tiga buah entiti telah ditubuhkan untuk membangunkan ekosistem inovasi iaitu Unit Pengurusan Penyelidikan di bawah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan dan menyusun strategi penyelidikan negara.

Unit kedua ialah Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation di bawah program Pemecut Pengkomersialan Teknologi bertujuan merencanakan aktiviti pengkomersialan antara akademik dan industri, katanya.

Beliau berkata unit yang ketiga ialah Malaysian Science Endowment di bawah seliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Akademi Sains Malaysia yang akan mewujudkan pembiayaan alternatif R&D dan C&I melalui kerjasama industri dan badan antarabangsa.

“Ketiga-tiga entiti perlu bekerjasama untuk memastikan hasil R&D dan C&I serta harta intelek menjadi produk nilai tambah yang tinggi, sekali gus meletakkan Malaysia sebaris dengan negara maju berteraskan inovasi seperti Korea Selatan, Switzerland dan Singapura,” katanya.

Beliau berkata landskap R&D dan C&I Malaysia berbeza dengan negara-negara maju kerana hampir 80 peratus penyelidik di negara ini pada 2018 berada di institusi pengajian tinggi manakala 97.4 peratus usahawan datangnya daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Ismail Sabri berkata daripada kira-kira 5,435 syarikat pemula sejak 2010 hingga 2020, hanya lima peratus syarikat pemula adalah berasaskan teknologi.

“Bagi pendekatan jangka pendek dan sederhana, kerjasama dalam kalangan pihak penyelidik dan usahawan perlu dilaksanakan untuk meningkatkan inovasi tempatan.

“Ini adalah sejajar dengan Pelan Hala Tuju Ekosistem Syarikat Pemula Malaysia 2021-2030 atau SUPER yang menyasarkan 5,000 buah syarikat pemula dan lima buah syarikat bertaraf unicorn bernilai lebih US\$1 bilion menjelang 2025,” katanya.

Beliau berkata setakat ini Malaysia hanya mempunyai sebuah syarikat bertaraf unicorn iaitu CARSOME Sdn Bhd.

Oleh itu lebih banyak insentif perlu disediakan bagi mewujudkan lebih banyak syarikat pemula berasaskan teknologi termasuk merangka strategi ekosistem inovasi terbuka bagi

merencanakan inovasi negara menerusi penggabungan idea semua pihak yang terbabit, katanya.

Ismail Sabri berkata menerusi MOSTI dan Akademi Sains Malaysia sedang membangunkan Malaysian Open Science Platform untuk mempergiatkan perkongsian data antara penyelidik dan industri serta bidang keutamaan sains, teknologi dan inovasi negara juga sedang diselaraskan di bawah RMK12.

Persidangan yang diadakan selama dua hari itu adalah usaha sama oleh EPU, JPM dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP). - BERNAMA